

Petisyen pilihan raya dibuang: Fail rayuan ke Mahkamah Persekutuan jika tidak puas hati

Malaysian Insider

July 30 , 2013

OLEH V ANBALAGAN, PENOLONG PENGARANG BERITA

Ahli politik yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat hakim pilihan raya boleh membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan bagi membolehkan aduan mereka didengar panel hakim.

Ketua Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsa, Bahagian Pentadbiran Kehakiman, Mohd Aizuddin Zolkeply, berkata Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria tidak boleh secara peribadi mencampuri untuk membatalkan mana-mana keputusan yang dibuat oleh mahkamah pilihan raya.

Aizuddin berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menggesa ketua hakim untuk campur tangan dalam beberapa petisyen pilihan raya yang dibuang atas kesilapan teknikal dan diperintahkan membayar kos yang tinggi.

Anwar berkata demikian petang semalam ketika meluahkan rasa tidak puas hati apabila kebanyakan petisyen pilihan raya yang difailkan Pakatan Rakyat (PR) dibuang.

Bagaimanapun, Aizuddin berkata, sebarang campur tangan dalam kes petisyen pilihan raya perlu dilakukan menerusi prosiding kehakiman.

"Panel lima hakim akan mendengar rayuan walaupun keputusan awal dibuat oleh seorang hakim," katanya kepada The Malaysian Insider.

Katanya, bagi kes petisyen pilihan raya, pihak yang tidak berpuas hati boleh merayu di mahkamah apex (mahkamah persekutuan).

Aizuddin berkata, kos yang sangat tinggi diperintah dibayar kepada pihak satu lagi juga boleh dibangkitkan ketika rayuan.

Anwar mendakwa, petisyen pilihan raya dibuang hanya kerana kesilapan teknikal manakala merit kes berkenaan tidak diendahkan langsung.

Beliau berkata, masalah teknikal yang dibangkitkan itu terlalu sambil lewa.

Sebagai contoh, katanya, petisyen untuk kerusi Machang dan Selising dibuang atas dasar dokumen tidak diserahkan sendiri oleh pempetisyen kepada responden.

Beliau berkata, perkara itu agak mengarut kerana semua orang faham bahawa pihak-pihak berkenaan dalam mahkamah bertindak menerusi peguam dan tidak pergi sendiri menyerahkan dokumen mahkamah.

Anwar berkata, hakim turut berkata bahawa fakta dalam petisyen tidak mencukupi. Beliau bagaimanapun mendakwa itu bukan alasan yang cukup baik untuk membuang petisyen berkenaan kerana hakim boleh meminta maklumat lanjut.

Beliau berkata, ini adalah jalan terbaik untuk mengendalikan perbalahan apabila isu penting

dalam penyalahgunaan pilihan raya dibangkitkan, tanpa mengira sama ada ia datang daripada Barisan Nasional atau PR.

Anwar berkata, seolah-olah menjadi trend apabila pempetisyen yang kesnya dibuang diperintahkan membayar kos yang tinggi.

Bagi kerusi parlimen Balik Pulau, mahkamah memerintahkan bayaran kos RM120,000.

Anwar berkata, jumlah besar seperti itu tidak selaras dengan trend sedia ada dalam kes sivil.

Setakat ini, 10 petisyen daripada calon pembangkang dibuat sebelum sempat merit kes didengar. - 30 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/petisyen-pilihan-roya-dibuang-fail-rayuan-ke-mahkamah-persekutuan-jika-tida>